



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (1)

Tarikh: 4 Januari 2026

100 MURID TERIMA MANFAAT PROGRAM SUMBANGAN BAUCAR MEMBELI-BELAH JOM KEMBALI KE SEKOLAH 2026

Subang Jaya, 4 Januari 2026 – Seramai **100** murid daripada keluarga berpendapatan rendah (**B40**) di Petaling Jaya menerima manfaat menerusi **Program Sumbangan Baucar Membeli-belah Jom Kembali ke Sekolah 2026** anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** yang berlangsung di **Pasar Raya Besar Mydin, Subang Jaya**, hari ini.

Program ini bertujuan **meringankan beban kewangan ibu bapa** dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak menjelang pembukaan sesi baharu. Pelaksanaan program ini turut mencerminkan **keprihatinan MBPJ terhadap cabaran kos sara hidup**, khususnya yang memberi kesan langsung kepada golongan berpendapatan rendah.

MBPJ memahami tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam memastikan anak-anak dapat memulakan sesi persekolahan dengan kelengkapan yang mencukupi. Sehubungan itu, inisiatif ini dilaksanakan bagi memastikan **tiada murid di Petaling Jaya tercicir daripada pendidikan** akibat kekangan kewangan.

MBPJ sentiasa meletakkan **pendidikan sebagai keutamaan** kerana ia merupakan pelaburan jangka panjang dalam melahirkan generasi masa hadapan yang berilmu, berdaya saing dan berdaya tahan. Penyediaan kelengkapan persekolahan yang mencukupi bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri murid, malah memberikan ketenangan kepada ibu bapa untuk terus menyokong pembangunan keluarga.

Melalui pelaksanaan program ini, **100** murid daripada keluarga **B40** yang dikenali **pasti berdasarkan data e-Kasih** telah dipilih sebagai penerima bantuan. Setiap keluarga menerima **baucar bernilai RM300** bagi pembelian kelengkapan persekolahan, sekali gus membantu murid memulakan sesi persekolahan dengan lebih teratur serta mengurangkan beban kewangan ibu bapa.

Selain bantuan berbentuk kewangan, MBPJ turut memperkukuh **sokongan mobiliti pelajar** menerusi penyediaan perkhidmatan **PJ City Bus 'Shuttle Service'** untuk pelajar sekolah di sepanjang laluan **PJ01 hingga PJ06**.

Bagi laluan **PJ01 dan PJ02**, sebanyak **dua (2) buah bas** disediakan dengan waktu operasi **6.30 pagi dan 1.00 petang** bagi membawa pelajar pergi dan pulang dari sekolah. Manakala **empat (4) laluan bas percuma lain** iaitu **PJ03, PJ04, PJ05 dan PJ06** turut memberi manfaat kepada pelajar sekolah di sekitar Petaling Jaya sekali gus membantu mengurangkan kos pengangkutan harian keluarga.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Program ini selari dengan **teras Malaysia MADANI** yang menekankan nilai **kesejahteraan, ihsan dan kebajikan** serta merupakan sebahagian daripada **10 Program Berimpak Tinggi MBPJ** yang memberi fokus kepada kesejahteraan komuniti dan golongan kurang mampu sejajar dengan aspirasi menjadikan **Petaling Jaya sebuah bandaraya yang inklusif, prihatin dan berdaya tahan**.

Inisiatif ini juga menyokong agenda **Bandar Mesra Kanak-Kanak** dalam memastikan hak pendidikan kanak-kanak terus terpelihara dan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Mydin serta semua rakan strategik atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini dan berharap agar bantuan yang disalurkan dapat dimanfaatkan secara optimum demi menyokong kelangsungan serta masa hadapan pendidikan para penerima.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (2)

Tarikh: 5 Januari 2026

MBPJ LAKSANA PROGRAM LALUAN KORIDOR BIODIVERSITI BANDAR (KORIDOR HIJAU), PERKUKUH RANGKAIAN HIJAU DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Petaling Jaya, 30 Disember 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melaksanakan **Program Laluan Koridor Biodiversiti Bandar (Koridor Hijau)**, satu inisiatif strategik bandar mampan yang diluluskan di bawah peruntukan **Ecological Fiscal Transfer (EFT)** Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Program ini bertujuan menyokong agenda pemuliharaan biodiversiti bandar dan mitigasi perubahan iklim, di samping memperkukuh rangkaian hijau bandar selaras dengan hala tuju pembangunan mampan MBPJ. Pelaksanaannya memberi tumpuan kepada usaha menghubungkan kawasan hijau utama di sekitar Petaling Jaya melalui jaringan laluan hijau yang selamat, berfungsi dan mesra pengguna, sekali gus meningkatkan kesejahteraan serta kualiti hidup komuniti setempat.

Program Koridor Hijau ini dirancang dan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan kesinambungan rangkaian hijau bandar meliputi:

- **Fasa 1:** Jajaran Hutan Pendidikan Bukit Gasing – Taman Jaya – Taman Aman;
- **Fasa 2:** Jajaran Taman Aman – Taman Komuniti – Taman Bandaran Kelana Jaya; dan
- **Fasa 3:** Jajaran Taman Bandaran Kelana Jaya – Taman Kota@PJ – Hutan Eko-pelancongan Seksyen 10, Kota Damansara.

Kerja-kerja menaik taraf Laluan Koridor Hijau **Fasa 1** ini telah dilaksanakan bermula pada **4 November 2025** dan disiapkan sepenuhnya pada **30 Disember 2025**.

Skop pelaksanaan projek merangkumi kerja-kerja **hardscape** seperti pembinaan dan penaiktarafan laluan serta pemasangan papan tanda dan elemen sokongan, selain kerja-kerja **softscape** yang melibatkan penanaman dan pengindahan landskap bagi menyokong fungsi ekologi dan nilai estetika kawasan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Laluan Koridor Biodiversiti Bandar (Koridor Hijau) di bawah peruntukan EFT ini telah menyumbang secara signifikan kepada pengukuhan rangkaian hijau bandar Petaling Jaya. Inisiatif ini bukan sahaja mempertingkatkan kepelbagaian flora dan fauna bandar, malah berfungsi sebagai tarikan alam semula jadi yang memberi nilai tambah kepada kesejahteraan penduduk setempat.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Justeru, program ini akan terus menjadi komponen penting dalam perancangan landskap bandar MBPJ yang bersepadu dan mampan selari dengan aspirasi bandar hijau, berdaya huni dan lestari.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (3)

Tarikh: 6 Januari 2026

PENDAFTARAN BAZAR RAMADHAN DALAM TALIAN, PERKUKUH KETELUSAN DAN PERMUDAH URUSAN PENIAGA

Petaling Jaya, 6 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merakamkan penghargaan atas pujian YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap pelaksanaan pendaftaran Bazar Ramadhan secara dalam talian yang diperkenalkan oleh MBPJ.

Pelaksanaan inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan pengurusan serta memastikan proses pengagihan petak Bazar Ramadhan dilaksanakan secara adil, telus dan berintegriti selari dengan agenda pendigitalan perkhidmatan awam.

Sistem permohonan Bazar Ramadhan secara dalam talian melalui platform **eLesen MBPJ** dilaksanakan sebagai langkah proaktif bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan, mengurangkan beban kos kepada peniaga serta meminimumkan risiko manipulasi dan penglibatan pihak ketiga.

Antara **objektif utama** pelaksanaan sistem ini adalah bagi menyediakan **akses permohonan yang lebih mudah dan fleksibel** kepada pengguna awam, **menjamin ketelusan proses dan tadbir urus yang baik, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan** serta **memperkukuh aspek keselamatan dan pengurusan data**. Pada masa yang sama, ia turut menyumbang kepada **peningkatan kecekapan dan produktiviti** pengurusan Majlis secara menyeluruh.

Bagi mengelakkan penglibatan ejen atau orang tengah, MBPJ menetapkan beberapa mekanisme kawalan termasuk **keperluan pendaftaran menggunakan nombor kad pengenalan, nombor telefon** serta **alamat e-mel yang sah**. E-mel pengesahan hanya akan dihantar kepada alamat e-mel yang didaftarkan oleh pemohon sendiri.

Selain itu, pemohon yang berjaya **diwajibkan hadir secara fizikal** semasa **sesi Taklimat dan Cabutan Undi Bazar Ramadhan** bagi tujuan pengesahan cap jari (thumb print). Langkah ini bertujuan memastikan permohonan dibuat oleh individu sebenar serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan oleh pihak ketiga.

Sejak tahun **2020**, semua permohonan permit Bazar Ramadan di kawasan pentadbiran MBPJ dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui portal rasmi eLesen MBPJ. Namun demikian, Majlis turut menyediakan kaunter bantuan di Lobi Menara MBPJ bagi membantu pemohon yang menghadapi kesukaran, khususnya peniaga warga emas dan mereka yang tidak mempunyai akses internet.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Bagi peniaga yang kurang mahir menggunakan sistem dalam talian, khidmat bantuan secara bersemuka turut disediakan dengan syarat pemohon membawa dokumen wajib termasuk salinan kad pengenalan, gambar pasport, bil utiliti, sijil suntikan Typhoid (TY2), sijil kursus pengendalian makanan serta maklumat akaun bank dan kod QR pembayaran tanpa tunai.

Mengulas tentang aduan berkaitan cubaan penipuan serta penjualan petak Bazar Ramadhan secara tidak sah di Petaling Jaya, MBPJ mengesahkan bahawa memang ada menerima aduan berhubung perkara tersebut. Justeru, semakan bersepadu akan dilaksanakan di tapak melibatkan jabatan-jabatan teknikal, dan MBPJ tidak akan berkompromi dalam mengambil tindakan tegas termasuk pembatalan permit serta sitaan sekiranya aduan tersebut didapati sah.

Bagi tahun 2026, sebanyak **1,187 petak Bazar Ramadhan** melibatkan **18 lokasi** di sekitar Petaling Jaya (rujuk lampiran A) telah disediakan bagi memastikan peluang perniagaan diagihkan secara adil, tersusun dan telus demi kebajikan peniaga serta keselesaan pengunjung.

MBPJ kekal komited untuk terus memperkasa penyampaian perkhidmatan berteraskan digital selaras dengan agenda Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor serta aspirasi pembangunan bandar raya mampan di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (4)

Tarikh: 9 Januari 2026

AHLI MAJLIS MBPJ ANGKAT SUMPAH, KOMITED PERKUKUH TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN MAMPAN PETALING JAYA

Petaling Jaya, 9 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini memperakui pelantikan seramai **23 Ahli Majlis bagi Penggal 2026–2027** yang telah mengangkat sumpah jawatan di hadapan **Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon**, bertempat di Dewan Bunga Tanjung, Ibu Pejabat MBPJ.

Pelantikan ini menandakan permulaan rasmi perkhidmatan Ahli-ahli Majlis bagi tempoh dua (2) tahun bermula **1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027**, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam memperkukuh tadbir urus bandar raya yang cekap, telus dan berintegriti demi kesejahteraan warga Petaling Jaya.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya merakamkan ucapan tahniah kepada semua Ahli Majlis yang dilantik serta menegaskan bahawa pelantikan tersebut merupakan satu amanah besar yang menuntut komitmen tinggi, profesionalisme dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab.

Menurut beliau, Ahli Majlis memainkan peranan penting sebagai penghubung antara pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan rakyat, selain memastikan setiap dasar, perancangan dan keputusan yang dibuat sentiasa berpaksikan kepentingan awam.

Pelantikan Ahli Majlis ini adalah selaras dengan peruntukan **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**, di mana Ahli Majlis dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi membantu mentadbir kawasan PBT. Dalam konteks ini, Ahli Majlis berperanan merancang, melaksana dan memantau inisiatif pembangunan bandar raya di zon pemantauan masing-masing, sejajar dengan aspirasi pembangunan mampan dan seimbang.

Bagi Penggal 2026–2027, MBPJ menerima senarai 23 Ahli Majlis di bawah **Seksyen 10(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976**, yang melibatkan 20 Ahli Majlis lantikan semula dan tiga **(3) Ahli Majlis baharu**, iaitu:

- i. **Encik Asogan a/l Subramanian**
- ii. **Puan Maisarah binti Ismail**
- iii. **Encik Muhamad Shazwan bin Suhaimi**

MBPJ optimis bahawa gabungan Ahli Majlis berpengalaman dan Ahli Majlis baharu ini akan memberi nilai tambah serta memperkukuh landskap penyampaian perkhidmatan bandar raya secara lebih berkesan dan responsif.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Dalam masa yang sama, MBPJ turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada empat (4) Ahli Majlis yang telah menamatkan perkhidmatan, iaitu Encik Tang Fuiie Koh, Encik Sugumaran a/l Annamalai, Puan Rozazitah binti Ahmad dan Encik Farhan Shah bin Ridzuan, atas sumbangan, dedikasi serta khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan lalu.

Datuk Bandar Petaling Jaya menegaskan bahawa cabaran pengurusan dan pembangunan bandar raya yang semakin kompleks memerlukan sinergi kukuh antara Ahli Majlis, pengurusan tertinggi dan seluruh warga kerja MBPJ. Kerjasama strategik ini penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berkesan, sejajar dengan aspirasi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan, pintar dan berdaya tahan serta selari dengan teras Malaysia MADANI, Sustainable Development Goals (SDGs) dan Rancangan Selangor.

Beliau turut menekankan bahawa setiap amanah hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan integriti serta setiap keputusan dibuat berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan kepentingan rakyat sebagai keutamaan.

Selain itu, usaha menjadikan MBPJ sebagai PBT yang ***business-ready*** akan terus diperkukuh melalui penekanan terhadap pembangunan infrastruktur mampan, peningkatan kecekapan perkhidmatan teras serta penggunaan teknologi maklumat secara optimum bagi memudah cara urusan penduduk dan komuniti perniagaan.

MBPJ berharap Ahli-ahli Majlis yang dilantik dapat melaksanakan tanggungjawab dengan semangat kebersamaan dan iltizam yang tinggi, terus memperkukuh kerjasama serta berganding bahu demi kesejahteraan dan kebahagiaan warga Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڼداراي ڦتالينڱ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (5)

Tarikh: 9 Januari 2026

MBPJ TERIMA 131 ADUAN HAIWAN PELIHARAAN DAN LIAR DI KEDIAMAN STRATA SEPANJANG 2025

Petaling Jaya, 9 Januari 2026 – Isu kebersihan dan gangguan akibat haiwan peliharaan terus menjadi antara aduan utama penduduk di kawasan perumahan, khususnya kediaman berstrata. Sepanjang tahun 2025, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merekodkan 131 aduan berkaitan haiwan peliharaan dan haiwan liar yang mencetuskan kegusaran penduduk, termasuk masalah pembuangan najis, bau tidak menyenangkan serta kekotoran di kawasan harta bersama dan tempat awam.

Aduan tersebut diterima oleh Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan melibatkan skim pemajuan berstrata di sekitar Petaling Jaya. Isu-isu yang dibangkitkan bukan sahaja menjejaskan kebersihan persekitaran, malah turut memberi kesan kepada keselesaan dan keharmonian hidup berjiran dalam komuniti strata.

Bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai trend aduan haiwan peliharaan. Bagi tahun 2024, statistik aduan MBPJ adalah seperti berikut:

Jenis Premis	Haiwan	Bilangan Aduan (2024)
Premis Berstrata	Anjing	43
	Kucing	26
Premis Bukan Berstrata	Anjing	186
	Kucing	26

Manakala bagi tahun 2025 sehingga September, jumlah aduan yang direkodkan adalah:

Jenis Premis	Haiwan	Bilangan Aduan (Jan – Sep 2025)
Premis Berstrata	Anjing	47
	Kucing	24
Premis Bukan Berstrata	Anjing	118
	Kucing	19



MBPJ menjelaskan bahawa sehingga kini tiada kompaun atau denda dikeluarkan berkaitan aduan haiwan peliharaan di premis berstrata. Namun demikian, badan pengurusan bersama (JMB) dan perbadanan pengurusan (MC) mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pemilik atau penghuni di bawah Sub Perenggan 14(1) dan (2), Undang-Undang Kecil, Jadual Ketiga, Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015.

Sekiranya isu berkaitan tidak dapat diselesaikan di peringkat badan pengurusan, aduan boleh dikemukakan kepada pihak Majlis untuk tindakan lanjut di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007.

Bagi menangani isu ini secara menyeluruh dan berterusan, MBPJ melalui Unit COB, dengan kerjasama Unit Vektor, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran telah melaksanakan beberapa langkah strategik, antaranya:

- i. Melaksanakan program pendidikan berkaitan pengurusan dan penyenggaraan bangunan serta harta bersama kepada badan pengurusan JMB/MC dan pemilik petak melalui seminar anjuran jabatan yang diadakan sebanyak enam (6) kali setahun.
- ii. Mengeluarkan surat pemakluman kepada semua badan pengurusan JMB/MC di Petaling Jaya berhubung peraturan pemeliharaan haiwan peliharaan selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) serta undang-undang kecil Majlis yang berkuat kuasa.
- iii. Menyelaras tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama badan pengurusan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dan jabatan dalaman MBPJ bagi memastikan pematuhan yang lebih berkesan dan berterusan.

MBPJ menegaskan bahawa pemeliharaan kebersihan persekitaran merupakan tanggungjawab bersama antara badan pengurusan dan penduduk. Kerjasama semua pihak amat penting bagi mewujudkan persekitaran yang bersih, selamat dan selesa, seterusnya menjamin kesejahteraan seluruh komuniti di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), e-mel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڠداراي ڤتالينڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (6)

Tarikh: 24 Januari 2026

MBPJ LANCAR PESTA BUMI KECIL PJ, SEMAI KESEDARAN ALAM SEKITAR SEJAK USIA AWAL

Petaling Jaya, 24 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan **Pesta Bumi Kecil PJ**, sebuah inisiatif pendidikan alam sekitar untuk kanak-kanak dengan matlamat menyemai kesedaran dan amalan lestari sejak usia awal.

Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, telah menyempurnakan **Pesta Bumi Kecil** serta **Majlis Penutup Program Adiwira Cilik Bumi PJ** di **Taman Jaya**, hari ini. Program ini menandakan penutupan rasmi projek rintis pendidikan alam sekitar pertama seumpamanya, yang menggabungkan **pembelajaran interaktif berimpak tinggi** dengan kerjasama **Eco Lestari Strategy**.

Program ini dirancang khusus untuk menangani cabaran alam sekitar yang semakin mendesak, termasuk **pengurusan sisa pepejal, pencemaran udara** dan **kesan perubahan iklim** melalui pendidikan awal yang **berstruktur dan berimpak**. Selaras dengan aspirasi **Bandar Paling Bahagia dan Mampan** serta visi menjadikan Petaling Jaya sebagai **Learning City**, **TASKA MBPJ** tampil sebagai **perintis model pendidikan alam sekitar menyeluruh** yang menekankan pembentukan **nilai, sikap dan amalan lestari sejak usia muda**.

Datuk Bandar Petaling Jaya, dalam ucapan perasmiannya menegaskan bahawa pendidikan alam sekitar sejak usia awal bukan sekadar pembelajaran, tetapi pelaburan masa depan untuk membentuk generasi yang sedar, prihatin dan bertanggungjawab terhadap bumi yang kita warisi ini.

Program **Adiwira Cilik Bumi PJ** telah dilaksanakan sepanjang **enam bulan** dengan penglibatan **122 murid berumur 4, 5 dan 6 tahun** serta **29 guru TASKA MBPJ**, dengan sokongan rakan pelaksana utama **Eco Lestari Strategy**.

Pendekatan **Experiential Learning** yang interaktif dan menyeronokkan ini melibatkan pelbagai aktiviti eksplorasi alam sekitar, lawatan ke **PJ Eco Recycling Plaza** dan **Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun**, selain aktiviti **penanaman dan pengkomposan** yang menggalakkan amalan hijau sejak kecil.

Pesta Bumi Kecil PJ menjadi kemuncak projek rintis ini, di mana kanak-kanak mempamerkan hasil pembelajaran mereka melalui **pameran seni**, berkongsi kefahaman dan idea berkaitan kelestarian bumi, serta menyertai **Bengkel Ecobrick** yang memberi pendedahan praktikal kepada konsep kitar semula.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Pelaksanaan projek ini mendapat sokongan daripada **Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Selangor, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor** serta **jabatan-jabatan dalaman MBPJ** yang bersama-sama memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan dan kelestarian program ini.

MBPJ berharap agar inisiatif ini menjadi **model rujukan pendidikan alam sekitar di peringkat awal** dan dapat diperluaskan pada masa hadapan, sekali gus memperkukuh peranan MBPJ sebagai peneraju komuniti lestari, sejajar dengan agenda Kerajaan Negeri Selangor dan dasar nasional untuk membina persekitaran lebih hijau, berdaya tahan dan mampan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (7)

Tarikh: 25 Januari 2026

DATUK BANDAR PETALING JAYA TURUN PADANG, MBPJ PERKUKUH PEMBANGUNAN KOMUNITI DI DESA MENTARI

Petaling Jaya, 25 Januari 2026 – Komitmen Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam memperkasa kesejahteraan komuniti bandar terus diperkukuh menerusi **Program Turun Padang Datuk Bandar Petaling Jaya @Desa Mentari**, yang berlangsung di Blok 4, 5 dan 6, Desa Mentari, hari ini.

Program telah disempurnakan oleh **Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington, Datuk Bandar Petaling Jaya**, sebagai manifestasi pendekatan kepimpinan berteraskan libat urus rakyat, khususnya dalam menyantuni komuniti setempat serta memahami secara langsung isu, keperluan dan cabaran sebenar yang dihadapi penduduk.

Pelaksanaan program berkonsepkan **Santuni MADANI** ini mencerminkan usaha berstruktur dan berfokus MBPJ bersama agensi kerajaan dalam mendekati kumpulan sasar, sekali gus memperkukuh agenda pembangunan komuniti yang inklusif, mampan dan berimpak tinggi.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menegaskan bahawa pendekatan turun padang dan libat urus secara langsung membolehkan MBPJ mengenal pasti isu di peringkat akar umbi dengan lebih tepat, seterusnya merangka tindakan susulan yang lebih berkesan dan menyeluruh. Pendekatan ini juga selari dengan aspirasi **Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDGs)** yang menekankan kesejahteraan komuniti dan pembangunan bandar berdaya huni.

“Program seperti ini bukan sekadar merapatkan hubungan antara kepimpinan bandar dan penduduk, malah menjadi platform penting untuk mendengar pandangan, cadangan serta aspirasi komuniti. Pendekatan ini memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan dan setiap lapisan masyarakat diberi peluang untuk menikmati kehidupan bandar yang lebih sejahtera,” katanya.

Program ini turut melibatkan penyertaan jabatan dalaman MBPJ serta kerjasama strategik pelbagai agensi luar termasuk **Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Jabatan Perpaduan Daerah Petaling, e-Kasih, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan KDEB Waste Management** yang membuka kaunter pameran bagi menyediakan maklumat, khidmat nasihat dan sokongan secara langsung kepada penduduk.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Selain itu, program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian seperti **pertandingan kebersihan dan keceriaan blok, pertandingan mewarna, pemeriksaan kesihatan percuma, program kitar semula minyak masak terpakai, pemberian anak pokok secara percuma** serta **Jualan Rahmah PKPS**.

MBPJ kekal beriltizam untuk memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memperkasa komuniti bandar ke arah pembangunan yang seimbang, inklusif dan berimpak jangka panjang. Program turun padang seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan pemantauan berkala bagi memastikan manfaat yang mampan dan berterusan dapat dirasakan oleh komuniti setempat.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (8)

Tarikh: 25 Januari 2026

MBPJ PERKUKUH TADBIR URUS BANDAR MESRA KANAK-KANAK MELALUI PELANTIKAN AHLI MAJLIS KANAK-KANAK PETALING JAYA 2026/2027

Petaling Jaya, 25 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperkukuh komitmen terhadap pembangunan bandar raya inklusif menerusi penganjuran **Majlis Pelantikan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya 2026/2027 dan Majlis Penghargaan Alumni Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya 2024/2025**, yang berlangsung di **M Resort & Hotel Kuala Lumpur**, hari ini.

Majlis telah disempurnakan oleh **Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, yang menzahirkan komitmen berterusan MBPJ dalam membudayakan pendekatan **Bandar Mesra Kanak-Kanak** sebagai sebahagian daripada tadbir urus bandar.

Seramai **30 orang kanak-kanak** telah dilantik sebagai **Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya bagi sesi 2026/2027**, termasuk **seorang pelajar Orang Asli dan tiga murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**, mencerminkan komitmen MBPJ terhadap penyertaan yang inklusif. Sementara itu, **30 orang Ahli Majlis Kanak-Kanak sesi 2024/2025** menerima penghargaan atas sumbangan, komitmen serta khidmat bakti sepanjang tempoh pelantikan mereka.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menegaskan bahawa pelantikan Ahli Majlis Kanak-Kanak bukan sekadar simbolik, sebaliknya merupakan satu amanah dan pengiktirafan MBPJ terhadap peranan kanak-kanak sebagai rakan strategik dalam proses perancangan dan pembangunan bandar.

“Melalui platform Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya, MBPJ memberi ruang kepada kanak-kanak untuk terlibat secara langsung dalam perancangan, pelaksanaan serta penambahbaikan inisiatif bandar yang memberi kesan kepada kehidupan mereka,” katanya.

Sepanjang sesi 2024/2025, Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya telah terlibat dalam pelbagai program pembangunan kapasiti dan kepimpinan, termasuk penglibatan dalam **Ekspo Bandar Mesra Kanak-Kanak, Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia**, serta sesi pengumpulan input kanak-kanak bagi menyokong penggubalan dasar dan pelan pendidikan bandar.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Penglibatan ini turut diperluaskan melalui program berteraskan perancangan bandar seperti **Safer Streets Workshop**, yang menumpukan aspek keselamatan perjalanan ke sekolah, **Student Placemaking Workshop** yang melibatkan kanak-kanak dalam reka bentuk ruang awam, serta pelaksanaan **projek hentian bas mesra kanak-kanak**, di mana idea dan pandangan kanak-kanak diterjemahkan kepada penambahbaikan kemudahan awam.

Selain itu, Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya turut aktif dalam program komuniti, termasuk inisiatif penyediaan **Book Nook** dan **Toy Library** bersama komuniti B40, yang bertujuan memupuk nilai empati, tanggungjawab sosial dan kefahaman terhadap cabaran kehidupan bandar.

Bagi sesi 2026/2027, Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya akan meneruskan penglibatan dalam pelbagai program kepimpinan dan pembinaan kapasiti, termasuk penyertaan dalam **PJ International Youth Leadership Camp** yang dijadualkan berlangsung pada Ogos 2026, melibatkan interaksi bersama kanak-kanak dari beberapa bandar antarabangsa bagi membina keyakinan dan kepimpinan generasi muda.

MBPJ percaya bahawa penyertaan kanak-kanak secara langsung bukan sahaja mampu memperkukuh proses perancangan dan pelaksanaan dasar bandar, malah berperanan membentuk generasi warganegara yang berfikiran kritikal, berkeyakinan dan bertanggungjawab.

Selaras dengan aspirasi Bandar Mesra Kanak-Kanak, MBPJ kekal komited menyediakan platform yang selamat, inklusif dan berkesan bagi memastikan suara kanak-kanak didengar serta diterjemahkan dalam pembangunan Petaling Jaya, ke arah bandar yang lebih mampan, progresif dan berdaya huni untuk generasi akan datang.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (9)

Tarikh: 27 Januari 2026

MBPJ LANCAR PELAN STRATEGIK 2026–2030, PERCEPAT REFORMASI DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Petaling Jaya, 27 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini menganjurkan **Majlis Amanat Datuk Bandar Bersama Warga Kerja MBPJ** di Laman MBPJ, bagi menzahirkan iltizam MBPJ untuk menyahut amanat Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tahun 2026, “**Mempercepat Pelaksanaan dan Memperhebat Reformasi**”, sebagai kerangka utama memperkukuh tadbir urus dan mempercepat penyampaian perkhidmatan bandar raya.

YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, menegaskan bahawa tahun 2026 menuntut perubahan menyeluruh merangkumi cara berfikir, cara bekerja dan cara berkhidmat, dengan setiap perancangan perlu diterjemahkan kepada tindakan yang jelas, pemantauan berdisiplin serta penyempurnaan yang konsisten.

Menurut beliau, pelaksanaan **Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867]** yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2025 menjadi pemacu penting dalam mengurangkan kerenah birokrasi, memudahkan urusan rakyat serta memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih pantas, cekap dan berintegriti melalui pendekatan *no wrong door policy*.

Seiring dengan itu, MBPJ akan memperhebat **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** dengan memberi tumpuan kepada **Reformasi Budaya Kerja (RBK)** yang menekankan disiplin, kecekapan, layanan mesra pelanggan serta pengurusan sumber secara berhemah, termasuk pelaksanaan pentadbiran digital sepenuhnya dan amalan *paperless* dalam urusan rasmi.

Beliau turut menekankan peranan **komunikasi sebagai jambatan utama** dalam memastikan keberkesanan reformasi, sambil menyeru seluruh warga kerja MBPJ agar mengamalkan komunikasi yang jelas, bertanggungjawab dan selari dengan tindakan organisasi bagi mengelakkan jurang persepsi antara dasar dan pelaksanaan.

Dalam aspek integriti dan tadbir urus, MBPJ komited memperkukuh sistem kawalan dalaman melalui pelaksanaan **Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2025**, penyertaan dalam **Anugerah Integriti dan Akauntabiliti Gred A (AIGA)** serta pembangunan **Pelan Pengurusan Rasuah (OACP) 2026–2030** selaras dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS).



MBPJ turut mencatat pencapaian kewangan memberangsangkan apabila menerima **Sijil Bersih Penyata Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2024**, yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara pada 13 Januari 2026, sekali gus mencerminkan tahap pematuhan, ketelusan dan kecekapan pengurusan kewangan Majlis.

Selain itu, sepanjang tahun 2025, MBPJ telah meraih **70 anugerah dan pengiktirafan** di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, termasuk dinobatkan sebagai **Naib Johan Anugerah PBT Cemerlang (Bandaraya)** sempena Anugerah Kecemerlangan Menteri (AKM) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sebanyak **RM521.7 juta** diperuntukkan dalam **Bajet MBPJ 2026** bagi menyokong agenda **PJ Mampan, Bahagia dan Sejahtera**, meliputi perbelanjaan mengurus berjumlah RM411.2 juta dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM110.5 juta, merangkumi lebih 130 program dan projek berimpak tinggi kepada kesejahteraan warga Petaling Jaya.

Dalam masa sama, MBPJ terus memacu budaya inovasi sebagai keperluan strategik organisasi, dengan inisiatif berimpak tinggi seperti **Kebenaran Merancang Dalam Tempoh 24 Jam (PA24)** dan **RONDA PJ** yang telah terbukti mempercepat proses, meningkatkan kecekapan operasi serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan bandar raya.

Kemuncak majlis menyaksikan pelancaran **Pelan Strategik MBPJ 2026–2030** berteraskan visi “**Petaling Jaya Mampan dan Bahagia 2030**”, merangkumi enam teras strategik, **21 strategi** dan **108 program** yang diselaraskan dengan agenda pembangunan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Menurut beliau, pelan strategik tersebut menjadi dokumen panduan utama yang akan memastikan MBPJ terus berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan contoh, berdaya saing, responsif dan berorientasikan hasil dalam mendepani cabaran pembangunan bandar raya yang semakin kompleks.

MBPJ optimis bahawa dengan iltizam bersama, kepimpinan berintegriti serta pelaksanaan yang pantas dan berdisiplin, Petaling Jaya akan terus diperkasa sebagai bandar raya yang mampan, inklusif dan sejahtera demi kesejahteraan seluruh warganya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (10)

Tarikh: 28 Januari 2026

MBPJ LULUSKAN 18 TAPAK BAZAR RAMADHAN BERTERASKAN PENDEKATAN LESTARI DAN PRIHATIN 2026

Petaling Jaya, 28 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited memperkukuh pengurusan Bazar Ramadhan menerusi pelaksanaan **Bazar Ramadhan ‘Lestari dan Prihatin’ 2026**, melibatkan **18 lokasi** di sekitar Petaling Jaya dengan penyediaan sebanyak **1,260 petak niaga** bagi tempoh operasi **29 hari**, bermula **19 Februari hingga 20 Mac 2026**.

Pelaksanaan bazar tahun ini mencatat sambutan amat menggalakkan apabila sebanyak **1,221 permohonan** telah diterima, mewakili **96.9 peratus** daripada jumlah petak yang ditawarkan. Peningkatan ini mencerminkan keyakinan peniaga terhadap sistem pengurusan bazar yang lebih tersusun, telus dan berfokus kepada kebajikan usahawan mikro.

Program **Taklimat, Cabutan Undi dan Penyerahan Permit Bazar Ramadhan ‘Lestari dan Prihatin’ 2026** telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington, Datuk Bandar Petaling Jaya**, bertempat di **Dewan Komuniti BU11, Bandar Utama**, hari ini.

Penganjuran program ini bertujuan memastikan proses pengagihan petak niaga dilaksanakan secara **adil, telus dan berintegriti**, selaras dengan prinsip **tadbir urus baik** yang menjadi teras pentadbiran MBPJ. Bazar Ramadhan ‘Lestari dan Prihatin’ 2026 memberi penekanan kepada **dua komponen** utama, iaitu **Lestari dan Prihatin**.

Bagi komponen **Lestari**, MBPJ menekankan amalan perniagaan mesra alam termasuk penggunaan **pembungkusan biodegradasi**, pengurusan sisa yang lebih sistematik serta pelaksanaan **Program Kitar Semula Minyak Masak**. Pada tahun 2025, program ini berjaya merekodkan pengumpulan sebanyak **3.0 tan minyak masak terpakai**.

Sejajar dengan komitmen kelestarian bandar, MBPJ turut **mewajibkan penggunaan pembungkusan mesra alam oleh semua peniaga Bazar Ramadhan 2026** sebagai langkah mengurangkan penggunaan plastik sekali guna serta menyokong agenda kelestarian alam sekitar.

Sementara itu, komponen **Prihatin** memfokuskan penyediaan juadah berbuka puasa yang **mampu milik**, khususnya bagi membantu meringankan kos sara hidup golongan **B40 dan M40**. Peniaga turut digalakkan mengamalkan konsep **jualan sambil menderma** kepada golongan memerlukan sebagai manifestasi nilai ihsan dan kebersamaan sepanjang bulan Ramadhan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Sebagai inisiatif tambahan, MBPJ akan melaksanakan **Kupon Digital Bazar Ramadhan 'Lestari dan Prihatin' 2026** di beberapa lokasi terpilih serta memperuntukkan sebanyak **RM80,000** bagi menjayakan keseluruhan program. Pada tahun lalu, pelaksanaan kupon digital ini telah berjaya mengutip sebanyak **RM619,574.00**.

Bagi memastikan pematuhan syarat serta kelancaran operasi bazar, **pemantauan bersepadu** akan dilaksanakan di semua lokasi melibatkan hampir **100 anggota dan warga kerja MBPJ**, selain kerjasama anggota **RELA** bagi kawalan lalu lintas di lokasi bazar yang berisiko tinggi kesesakan. MBPJ turut memperkenalkan **Kod QR Aduan Bazar Ramadhan 2026** bagi menggalakkan penglibatan peniaga dan orang awam dalam menyalurkan maklum balas secara pantas dan berkesan.

Dalam masa yang sama, MBPJ menegaskan pendirian **tegas tanpa kompromi** terhadap sebarang pelanggaran syarat lesen, termasuk **larangan menggaji pekerja warga asing** serta **larangan menjual atau menyewakan petak (sublet)** kepada pihak ketiga. Tindakan penguatkuasaan termasuk **pembatalan lesen dan sitaan** akan diambil terhadap mana-mana peniaga yang didapati melanggar peraturan.

Sebagai galakan kepada usahawan mikro yang menunjukkan prestasi cemerlang, MBPJ akan menganugerahkan **Anugerah Usahawan Mikro 'Lestari dan Prihatin' 2026** kepada **20 pemenang terpilih** yang memenuhi kriteria ditetapkan. Setiap pemenang akan menerima **hadiah wang tunai RM500** serta keistimewaan **memilih nombor petak** bagi Bazar Ramadhan tahun berikutnya.

Pelaksanaan Bazar Ramadhan 'Lestari & Prihatin' 2026 ini mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam memastikan pengurusan bazar yang **lebih mampan, berdaya saing dan berorientasikan kesejahteraan rakyat**, selaras dengan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai **Bandar Paling Bahagia dan Mampan**.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (11)

Tarikh: 28 Januari 2026

MBPJ AMBIL TINDAKAN TERHADAP ADUAN HALANGAN DAN BINAAN TANPA KEBENARAN DI BANDAR SRI DAMANSARA

Petaling Jaya, 28 Januari 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus telah menjalankan satu pemeriksaan tapak bersepadu pada **26 Januari 2026** berhubung aduan awam melibatkan aktiviti perniagaan membaiki barangan motor elektrik serta isu halangan di lorong belakang premis di No. 16 dan 20, Jalan Emas SD5/1A, Bandar Sri Damansara.

Pemeriksaan tersebut melibatkan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Penguatkuasaan serta Unit Aduan MBPJ bagi mengenal pasti keadaan sebenar di tapak dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Hasil pemeriksaan mendapati premis terbabit mempunyai lesen perniagaan yang sah. Namun, terdapat halangan berupa barangan motor elektrik yang diletakkan di bahagian hadapan dan lorong belakang premis. Selain itu juga terdapat binaan pagar serta halangan yang menutup kawasan longkang telah dibina tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak Majlis.

Sehubungan itu, Jabatan Kejuruteraan MBPJ telah mengeluarkan satu Notis Amaran pada 26 Januari 2026 berkaitan binaan pagar dan penutupan longkang tanpa kebenaran, dengan tempoh pematuhan selama 14 hari.

Manakala Jabatan Penguatkuasaan MBPJ telah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dengan mengeluarkan:

- i. Dua (2) kompaun dan satu (1) notis pada 24 Januari 2026; serta
- ii. Empat (4) kompaun tambahan pada 26 Januari 2026 berkaitan kesalahan halangan.

MBPJ ingin menegaskan bahawa pihak Majlis tidak akan berkompromi terhadap sebarang aktiviti atau binaan yang menghalang laluan awam, menjejaskan sistem perparitan atau melanggar syarat lesen yang telah ditetapkan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Tindakan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan secara berperingkat demi memastikan keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan penduduk setempat.

MBPJ turut mengalu-alukan kerjasama semua pengusaha premis dan orang awam untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan serta menyalurkan aduan melalui saluran rasmi Majlis bagi membolehkan tindakan susulan diambil dengan segera.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695